

09 JULAI 2018

'Teh' RM15.3 juta

12 setempat 09-07-2018 **RM50,000** >>Nilai paket teh yang dirampas

HARIAN METRO

Mohamed Basyir
mbasyir@nstp.com.my

Georgetown

Polis membongkar sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah selepas merampas 295 paket teh mengandungi 306 kilogram (kg) syabu bernilai RM15.3 juta, Jumaat lalu.

Terdahulu, polis melancarkan tiga serbuan berasingan dengan dua daripadanya di Kuala Nerang, Kedah dan satu lagi di Jelutong, Pulau Pinang.

Dalam serbuan itu, pihaknya menahan enam ahli sindiket terbabit berusia antara 19 hingga 37 tahun termasuk seorang wanita berusia 30 tahun.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, hasil siasatan suspek terbabit, polis menyerbu sebuah pangsapuri di Jelutong yang membawa kepada penemuan paket teh di dalam sebuah kereta.

"Setiap paket teh bernilai RM50,000 dan biasanya berat setiap paket itu satu kg, tetapi ada paket yang beratnya melebihi satu kg. Dadah yang dirampas boleh dijual kepada lebih 1,500 penagih dadah.

FAKTA
Polis tahan enam ahli sindiket termasuk seorang wanita



'Teh' RM15.3 juta

MOHMAD (tiga dari kanan) menunjukkan dadah seberat 306kg bernilai RM15.3 juta yang dirampas di IPK Pulau Pinang, semalam.

Polis bongkar sindiket dadah dalam paket dalam 3 serbuan berasingan

"Kita masih menyalasat dari mana dadah itu diperolehi, namun ia dipercayai diseludup dari negara jiran di utara kerana paket teh dirampas kelihatan sama seperti paket yang kita rampas sebelum ini.

"Pada masa sama kita turut menyita sebilangan kecil wang tunai ringgit Malaysia (RM) dan Thai bhat, jam tangan jenama Rado serta sebuah kereta," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) di sini, semalam.

Mohamad berkata, wanita yang ditahan adalah isteri suspek yang diberkas menerusi serbuan berkenaan.

Katanya, hasil ujian air kencing mendapati wanita terbabit dan dua suspek lain negatif dadah manakala tiga lagi suspek positif dadah.

"Ahli sindiket berkenaan hanya bekerja biasa namun memberi perhatian lebih kepada aktiviti pengedaran dadah.

"Pulau Pinang dilihat sebagai lokasi strategik bagi aktiviti sindiket itu kerana ia mempunyai akses menerusi darat dan laut, memberi ruang mudah kepada suspek bergerak dari satu tempat ke tempat lain untuk mengedar dadah.

"Dadah dirampas adalah untuk pasaran tempatan selain diedarkan ke negara jiran," katanya.

Semua suspek kini direman mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk siasatan lanjut.